



- | |
|--|
| <p>1. TUKANG KAYU
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
E.2-3 EB.4 (\$590 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 2</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi dalam bidang Pertukangan Kayu adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Daerah Brunei dan Muara dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TUKANG KAYU:

DI PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Membuat kerja-kerja Pertukangan Kayu dan Perabut seperti Almari, Meja, Kabinet, Papan Tanda, Platform dan lain-lain tugas berkaitan dengan Pertukangan Kayu.
2. Membuat kerja-kerja membaik pulih peralatan-peralatan kayu.
3. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai-Pegawai Atasan.